

Peguam Abu Bakar mahu saman

Malaysia, Filipina

BH 30 JAN 2002

JAKARTA, Selasa – Pasukan Pembela Muslim (PPM) bercadang untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap kerajaan Malaysia dan Filipina kerana kedua-dua negara menganggap Indonesia sebagai sarang pengganas dan menuduh ulama Abu Bakar Basyir mempunyai kaitan dengan rangkaian kumpulan al-Qaeda.

Ketuanya Mahendradatta SH yang juga peguam Abu Bakar berkata pihaknya akan menuntut kerajaan Malaysia dan Filipina membersihkan nama baik anak guamnya Abu Bakar.

Ditanya mengenai jumlah ganti rugi yang dituntut, Mahendradatta berkata ia belum ditentukan lagi kerana masih berunding dengan peguam Islam di Malaysia.

Abu Bakar disoal siasat oleh polis Indonesia Khamis dan Jumaat lalu kerana disyaki mempunyai kaitan dengan Fathur Rohman Al Khozi yang ditahan di Filipina kerana memiliki secara haram satu tan bahan letupan.

Fathur dikatakan bekas pelajar Pondok Pesantren Al Mukmin, Ngruki Sukoharjo, Jawa Tengah di mana Abu Bakar pernah menjadi pengetuanya tetapi Abu Bakar menafikan dakwaan itu dan menjelaskan beliau tidak mengenali Fathur.

Mahendratatta mendakwa kemungkinan tuduhan terhadap Abu Bakar dibuat ada kaitan dengan perselisihan antara Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Oleh itu mereka akan mengesahkan perkara ini dengan Parti Islam SeMalaysia (Pas).

Mungkin juga menurut Mahendratatta, Amerika Syarikat terbabit dalam hal ini kerana ingin membentuk pandangan umum bahawa Indonesia sebagai sarang pengganas.

Kemungkinan ini berdasarkan banyaknya media asing seperti *Perbadanan Penyiaran Britain (BBC)* dan *Cable News Network (CNN)* mempunyai dokumen surat Abu Bakar kepada Osama bin Laden.

Menurut Mahendratatta, surat terbabit sebenarnya palsu kerana Abu Bakar tidak pernah mengirim surat kepada pemimpin rangkaian al-Qaeda itu.

Beliau berkata surat dalam bahasa Arab itu sama dengan surat kepada Abu Bakar yang diperolehi polis Indonesia selepas memintasnya untuk disiasat dan ia juga dinafikan oleh Abu Bakar. – Agensi